

## **SOALAN E-LEARNING BERKAITAN TATATERTIB**

1. Apakah Kaedah yang digunapakai di Majlis Perbandaran Selayang bagi menentukan kesalahan Tatatertib?
  - Kaedah yang digunapakai adalah Warta Kerajaan Kaedah-Kaedah Pekerja (Kelakuan dan Tatatertib ) Majlis Daerah Gombak 1995.
  
2. Siapakah yang menganggotai Lembaga Tatatertib ?
  - Mengikut Kaedah-Kaedah Pekerja (Kelakuan dan Tatatertib) Majlis Daerah Gombak 1995, ditubuhkan Lembaga Tatatertib yang terdiri daripada anggota berikut :
    - a) Yang Dipertua, hendaklah menjadi Pengerusi
    - b) Setiausaha; dan
    - c) Seorang Ahli Majlis yang dilantik oleh Majlis.
  - Setiap mesyuarat Lembaga Tatatertib hendaklah dihadiri oleh semua anggota Lembaga Tatatertib.
  
3. Berapakah tempoh yang boleh dianggap tidak hadir bertugas?
  - Ketidakhadiran bertugas tanpa cuti atau tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran atau tanpa sebab yang munasabah boleh menyebabkan seseorang pekerja dikenakan tindakan Tatatertib.
  
4. Bolehkah Mesyuarat Lembaga Tatatertib bersidang untuk menjatuhkan hukuman ke atas pegawai sekiranya tempoh representasi pembelaan diri pegawai belum tamat 21 hari?
  - Tidak boleh. Pegawai perlu mengemukakan representasi dalam tempoh 21 hari, Jika, selepas tamat tempoh 21 hari pegawai tidak mengemukakan representasi maka Mesyuarat Lembaga Tatatertib boleh bersidang untuk menentukan hukuman ke atas pegawai tersebut.

5. Apakah kesan jika dikenakan tindakan Tatatertib?

- Tindakan tatatertib akan direkodkan di dalam buku perkhidmatan.
- Staf tidak layak untuk memohon kenaikan pangkat mengikut tempoh yang ditetapkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 03 Tahun 2009.
- Tindakan tatatertib yang dikenakan akan diambil kira di dalam urusan pengesahan jawatan/kenaikan pangkat/Anugerah Khidmat Cemerlang.